

SIARAN AKHBAR
PENYERTAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI DALAM
4th EAST ASIA GENDER EQUALITY MINISTERIAL MEETING
17-18 NOVEMBER 2011 DI SIEM REAP CAMBODIA

Siem Reap, Khamis, 17 November - Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bahawa penyertaan wanita dalam tenaga kerja tidak lagi menjadi perkara perdebatan. Tiada ekonomi di dunia boleh mengabaikan potensi wanita dalam pembangunan sosio ekonomi negara, rantau dan dunia keseluruhannya. Di peringkat keluarga nuklear, penglibatan wanita sebagai '*joint bread winners*' dalam keluarga amat dihargai oleh kebanyakan lelaki. Dalam sesetengah masyarakat, ia telah menjadi satu keperluan bagi wanita untuk bekerja dan menjana pendapatan untuk mengekalkan gaya hidup keluarga. Dengan penyertaan wanita dalam tenaga kerja yang semakin meningkat, adalah penting bagi wanita untuk belajar bagaimana untuk mengimbangi beban kerja mereka dengan tanggungjawab asas mereka di rumah untuk memastikan kesejahteraan keluarga tidak terjejas.

Kenyataan tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Datin Paduka semasa menghadiri *4th East Asia Gender Equality Ministerial Meeting*, yang diadakan pada 17 hingga 18 November 2011 di Siem Reap, Cambodia. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh seramai 59 orang delegasi dari 12 buah negara dan perwakilan-perwakilan dari organisasi-organisasi antarabangsa dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) seperti *United Nation Development Programme (UNDP)* dan *UN Women*. Mesyuarat selama dua hari yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Wanita, Kemboja telah dirasmikan oleh Puan Yang Terutama Men Sam An, Timbalan Perdana Menteri Kemboja dan dipengerusikan oleh Puan Yang Terutama Dr. Ing Kantha Phavi, Menteri Hal Ehwal Wanita, Kemboja.

Selaras dengan tema ‘*Building Resilience to Economic Crisis and Moving Forward*’, mesyuarat pada kali ini bertujuan untuk mewujudkan persetujuan dan perjanjian di kalangan para Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal wanita mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kesaksamaan gender dengan memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan dan ketahanan dalam menghadapi krisis ekonomi dan seterusnya membincangkan langkah-langkah dalam menangani impak krisis ekonomi terhadap usaha bagi mencapai kesaksamaan gender. Bagi membincangkan isu di atas, Mesyuarat pada kali ini telah memberikan tumpuan kepada 4(empat) sub-tema utama iaitu;

1. *Green Economy*
2. *Women, Economic Crisis and Recovery*
3. *Labour and Migration*
4. *Work-Life Balance*

Dalam mesyuarat tersebut, Yang Mulia Datin Paduka juga menyatakan Negara Brunei Darussalam memberi pengiktirafan yang tinggi kepada peranan utama wanita dalam mengukuhkan institusi keluarga. Dalam waktu yang sama, Negara kita juga mengiktiraf sepenuhnya kepentingan peranan wanita dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Ini dapat dilihat dalam Wawasan 2035, yang menekankan pentingnya peluang yang sama diberi kepada kaum wanita dalam tenaga kerja dan pembangunan negara. Walau bagaimanapun wanita yang berkerjaya menghadapi cabaran untuk mencapai kesimbangan diantara peranan mereka sebagai pekerja dan peranan utama mereka sebagai seorang isteri, ibu, dan penjaga.

Yang Mulia Datin Paduka turut mengongsikan langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk membantu wanita dalam mengimbangi diantara tanggungjawab wanita yang bekerja sepenuh masa dan juga dengan peranan utama dan hakiki wanita iaitu sebagai ibu, isteri dan penjaga. Mulai 1 Januari 2011, pekerja wanita di sektor awam berhak untuk mengambil cuti bersalin sehingga 105 hari berbanding 9 minggu sebelum ini. Langkah-langkah lain yang menyokong keseimbangan kerja dengan kehidupan termasuklah pemberian elaun bulanan

pendidikan untuk kanak-kanak yang menghadiri sekolah-sekolah swasta dan cuti bergaji termasuk pemberian tambang pengangkutan udara bagi diri mereka, suami dan anak-anak setiap empat tahun. Cuti khas juga diberikan, atas dasar belas kasihan kepada kedua ibu bapa yang bekerja untuk menjaga ahli keluarga mereka yang sakit.

Yang Mulia Datin Paduka juga menyatakan bahwa pada masa ini Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Wanita, sedang dirangka yang mana mengandungi beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan termasuk langkah-langkah untuk mengimbangi diantara pekerjaan dan kehidupan seperti penyediaan persekitaran kerja yang mesra keluarga, pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja, latihan pengurusan masa untuk para pekerja dan jerayawara untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keperluan untuk keseimbangan kerja dan kehidupan. Penyediaan penjagaan kanak-kanak dan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja juga ditekankan dalam Rancangan Pembangunan Brunei Darussalam 2007-2012.

Di akhir Mesyuarat ini, satu joint communiqué telah pun dikeluarkan yang mengandungi beberapa ketetapan dan persetujuan yang telah dicapai yang mana antaranya ialah meningkatkan peranan wanita dalam memelihara alam sekitar dan seterusnya untuk sama-sama meningkatkan Ekonomi Hijau, meningkatkan komitmen Negara ahli dalam usaha untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja asing dan seterusnya menyediakan kemudahan-kemudahan kredit mikro dan mekanisma lain bagi memantapkan perusahaan kecil dan sederhana untuk membantu wanita menghadapi cabaran krisis ekonomi.

Turut menyertai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat ini ialah beberapa orang Pegawai kanan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Tarikh: 18 November 2011

